



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA	TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	No. Sebutharga : MPK 600-10/6/13 JTR KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG KEMUDAHAN REKREASI BAGI PROGRAM PADANG CERGAS DI 14 BUAH KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG.	BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN & KOD BIDANG 030599 dan 080199 & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN) TAKLIMAT : TARIKH : 23/08/2016 (SELASA) MASA : 9.30 pagi TEMPAT : Auditorium Raja Ismail Majlis Perbandaran Klang Nota : Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.	MULAI : 24/08/2016 (RABU) Bahagian Ukur Bahan Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan Nota : Penyebutharga di kehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL & SALINAN : 1) Kementerian Kewangan (MOF) 2) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) 3) Resit pembayaran E-Tender Selangor	TARIKH TUTUP : 30/08/2016 (SELASA) Bahagian Ukur Bahan Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan.

SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Sebutharga dijual dengan harga RM **40.00** Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **24 OGOS 2016** di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan
3. Bayaran untuk pembelian dokumen adalah dalam bentuk Wang tunai.
4. Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://Tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Sebutharga. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan Resit Bayaran Pendaftaran sebagai bukti Penyebutharga telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Sebutharga.
5. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti tertera di atas.
6. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
7. Wakil yang hadir ke taklimat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
8. Penyebutharga diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak atau taklimat.
8. Penyebutharga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **23 OGOS 2016** jam 9.30 pagi di Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
10. Penyebutharga yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebutharga.
11. Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** dan **SALINAN** (Perakuan Kementerian Kewangan (**MOF**), Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (**UPEN**) dan Resit Etender Selangor) semasa pembelian dokumen.
12. Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Sebutharga. Jika dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
13. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
14. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada **29 OGOS 2016** sebelum jam 4.30 petang. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian **03-3375 8014**

Disediakan oleh :
 BAHAGIAN UKUR BAHAN